

## MODEL APLIKASI PRODUK HALAL

### HALAL PRODUCT APPLICATION MODEL

Yuslina Mohamed<sup>i</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author) Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, e-mail:  
 yuslina@usim.edu.my

Article Progress

Received: 29 March 2019

Revised: 25 April 2019

Accepted: 30 April 2019

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Produk Halal dan pengguna Muslim merupakan dua istilah yang amat sinonim. Mencari yang halal itu adalah wajib bagi setiap pengguna Muslim. Al-Quran dan Sunnah telah menggariskan beberapa panduan yang jelas bagi memastikan sesuatu produk itu adalah halal dan baik. Kesedaran untuk mencari produk halal masih kurang dalam masyarakat Islam di Malaysia. Kertas kerja ini bertujuan membentuk satu model aplikasi halal yang dihasilkan melalui kaedah kajian demografi dengan menggunakan teknik temu duga klinikal tentang bagaimana mengenal pasti sesuatu produk halal di pasaran dan amalannya yang praktikal. Kaedah temu bual pelajar akan digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan praktikaliti dan amalannya ketika mendapatkan sesuatu produk. Manakala, tatacara dan amalannya yang digunakan itu akan dianalisis dan dibentuk menjadi satu model yang boleh digunakan oleh pengguna setelah menjalani ujian keberkesanannya.</i></p>	<p><i>Halal products are synonymous with the Muslim consumers. It is a necessity for Muslim consumers to consume halal products. The Quran and the Sunnah have outlined clear guidelines on the necessity of consuming halal products. Halal as well as good, however there is still little awareness on the necessity of halal products amongst the students of Quran and Sunnah. This paper discusses the issues pertaining halal products from the perspective of the Quran and Sunnah and its practices by the students. Datas are collected through interview face to face. Meanwhile, the methods applied by the students on determining and distinguishing halal products will be used as a model or guideline for the consumer.</i></p>

**Kata kunci:** model, Produk Halal, amalan, praktikal, Islam

## PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang menyeluruh atau *syumul* dan kesyumulannya itu menjangkaui seluruh aspek kehidupan seseorang Muslim. Islam perlu diperaktikkan dalam segala aspek kehidupan yang bermula daripada sekecil-kecil perkara seperti bersuci sehingga ke perkara yang lebih besar yang merangkumi ibadat, jual-beli, pergaulan, kekeluargaan dan sebagainya. Kesemua aspek tersebut amat berkait rapat dengan hukum halal dan haram dalam agama Islam.

Halal dapat disimpulkan pembahagiannya kepada dua iaitu halal *maknawi* dan halal *dhati*. Halal *maknawi* bermaksud halal pada maknanya iaitu sesuatu yang halal dimakan yang diperolehi dari sumber yang halal serta pengolahannya dengan cara yang betul lagi halal pada syara', Manakala halal *dhati* pula merujuk kepada sesuatu produk yang memang halal mmengikut hukum, disembelih (Ia bukanlah dari bangkai, najis dan babi). Ianya boleh dimakan kerana zatnya memang halal, dan secara hukum makanan itu halal dimakan.

Perbincangan kertas kerja ini akan memfokuskan kepada halal *dhati* iaitu halal yang terdapat pada produk pengguna. Kesedaran tentang produk halal dalam kalangan masyarakat Muslim amat rendah (Buletin UPKN, 24 Jamadil Akhir 1431) pada abad ini. Ia berpunca daripada sikap individu itu sendiri yang cetek pengetahuan agamanya.

Al-Quran dan al-Sunnah telah menjelaskan tentang halal dan kriterianya secara mendalam dan lengkap. Menjadi kewajipan seseorang individu Muslim mencari dan memastikan sesuatu itu benar-benar halal sebelum memakannya. Allah SWT menyeru agar manusia memakan hanya makanan yang halal lagi baik dalam firmanya:

يَا أَيُّهَا الْتَّائُسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوْ خُطُواتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ  
٦٨ مُبِينٌ

"Wahai sekalian manusia! makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu". (al-Baqarah: 168)

Dalam ayat yang lainnya pula, Allah SWT berfirman lagi yang bermaksud:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَكُوْنُوا مِنَ الظَّاهِرَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَآشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ ﴿٦﴾  
حَرَمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهِلَّ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرُ بَاغٍ وَلَا عَادِ  
فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar kepadanya kamu menyembah. Sesungguhnya Allah Hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (al-Baqarah: 172- 173)

Manakala model ikutan kita baginda Muhammad SAW pula banyak membincangkan tentang halal dan haram serta menjelaskan perihal ini dengan terperinci di dalam hadith-hadithnya. Sabda Baginda SAW :

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :  
إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ  
أَتَقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبَرَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعِي حَوْلَ  
الْحِمَى يُؤْشِكُ أَنْ يَرْتَعِ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مِلِكٍ حِمَى أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحَارِمٌ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَفَةً  
إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقُلْبُ

(رواه البخاري ومسلم)

Dari Abu Abdillah Nu'man bin Basir radhiallahu anhu dia berkata, Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh ramai orang. Maka barangsiapa yang takut terhadap syubhah bererti dia telah menyelamatkan agamanya dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhah, maka akan terjerumus ke dalam perkara yang diharamkan. Sebagaimana penggembala yang menggembala haiwan ternakannya di sekitar (ladang) yang dilarang untuk memasukinya, maka lambat laun dia akan memasukinya. Ketahuilah bahawa setiap raja memiliki larangan dan larangan Allah adalah apa yang dia haramkan. Ketahuilah bahawa dalam diri ini terdapat segumpal daging, jika dia baik

maka baiklah seluruh tubuh ini dan jika dia buruk, maka buruklah seluruh tubuh, ketahuilah bahawa ia adalah hati”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Selain kurangnya kempen produk halal, disana juga tiada model-model sebagai rujukan pengguna bagi mengenal pasti sesuatu produk itu sama ada ianya halal atau sebaliknya. Ia adalah kesinambungan daripada kurangnya kesedaran dalam masyarakat Islam yang diterjemahkan melalui sikap tidak peka terhadap isu halal. Melalui survey yang dijalankan didapati juga kebanyakkan masyarakat bergantung kepada logo halal JAKIM sepenuhnya tetapi secara peribadinya mereka tidak benar-benar mengenali logo JAKIM yang sepatutnya, kerana terlalu banyak logo-logo tiruan yang rekabentuknya terdapat sedikit kelainan yang membawa kepada kekeliruan kepada pengguna. Terdapat juga sesetengah pengeluar yang tidak amanah dan tidak bertanggungjawab telah menggunakan logo-logo Halal Malaysia tanpa mendapat kelulusan pihak berwajib seperti JAKIM, JAIN dan MAIN atau dengan kata lainnya logo halal palsu (<http://www.sinarharian.com.my/semasa/50-syarikat-guna-logo-halal-palsu-didakwa-1.273913>).

Dengan demikian, artikel ini bertujuan membangunkan satu model aplikasi produk halal yang mudah sebagai rujukan pengguna. Model ini adalah rumusan analisis data yang diperolehi dari hasil temu bual bersama responden.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian demografi sosiologi, Ia dijalankan dengan menggunakan teknik kajian klinikal iaitu memberi fokus kepada satu golongan masyarakat terhadap pelaksanaan dan praktikaliti tentang halal dalam kalangan pensyarah dan pelajar dari Fakulti Pengajian al-Quran dan al-Sunnah (FPQS). Sebanyak 30 responden telah dipilih secara rawak dari kalangan pelajar tahun tiga dan tahun akhir.

Pemilihan pelajar tahun tiga dan tahun akhir dibuat berdasarkan kematangan ilmu pengajian mereka tentang al-Quran dan al-Sunnah, selain itu mereka juga lebih memahami isu halal dari perspektif agama. Ini kerana isu halal telah disebutkan di dalam al-Quran dan al-Hadith dengan jelas dan banyak sekali.

Responden yang dipilih akan dijadikan sampel kajian, iaitu dengan menggunakan kaedah temu bual (*interview*) yang santai atau tidak formal, dengan menggunakan instrumen temu bual klinikal yang lebih bersifat spontan. Temu bual klinikal yang spontan ini digunakan adalah untuk mendapatkan data yang lebih akurasi dari segi pengalaman kepenggunaan

metod, model dan amalan praktikal untuk memastikan kehalalan sesuatu produk.

Instrumen soalan temu ramah telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu A dan B. Instrumen A adalah berkaitan dengan pengetahuan am mengenai produk halal dari segi definisi atau pemahaman halal dan produk halal. Manakala instrumen B adalah soalan yang berkaitan dengan tatacara amalan praktikal dan konsep perlaksanaan untuk memastikan kehalalan sesuatu produk. Kemampuan menjawab secara spontan merupakan satu ukuran bagi kejujuran pada jawapan.

Kajian ini juga menghasilkan dapatan yang boleh digeneralisasikan natijahnya. Ini bermakna dapatan kajian akan digeneralisasikan tatacara dan amalan mengenal pasti produk halal terhadap kebanyakkan orang. Dapatan yang dihasilkan dari analisa terhadap jawapan responden telah menghasilkan satu model aplikasi untuk menentukan halalnya sesuatu produk.

Selain dari tatacara amalan perlaksanaan yang didapati dari hasil temu ramah, terdapat beberapa kaedah yang boleh diguna pakai bagi memastikan keabsahan status sesuatu produk, seperti mana yang dinyatakan oleh sesetengah responden.

### Konsep Halal

Maksud tausurus “Halal” menurut Dewan Bahasa dan Pustaka ialah istilah yang berasal dari Bahasa Arab yang bererti: dibenarkan, diizinkan, dibolehkan dan diperkenan. Perkataan “Halal” adalah adjektif atau kata sifat.

Istilah ‘halal’ berasal dari Bahasa Arab iaitu ‘halla’ yang artinya ‘lepas’ atau ‘tidak terikat’ (Yuslina, 2011). Adapun, Yusuf Qardhawi (2000) mendefinisikan istilah halal sebagai segala sesuatu yang boleh dikerjakan, syariat membenarkan dan orang yang melakukannya tidak dimurka Allah SWT.

Produk halal adalah segala sesuatu yang diperbolehkan oleh syariat untuk digunakan, terutama dalam produk makanan dan minuman. Allah SWT memerintah agar memakan makanan yang halal lagi baik dan jadilah orang yang bertaqwa. Iaitu mematuhi perintah Allah SWT. Seperti mana firmanNya dalam Surah al-Maidah / 5: 88

وَلْكُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ أَللَّهُ حَلَالٌ طَيِّبَاتٌ وَأَتَقْوِيْ أَللَّهُ أَلِّيْ أَنْتُم بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

“Dan makanlah daripada rezeki yang telah diberikan oleh Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadanya sahaja kamu beriman”.

Begitu juga dalam firmanNya pada surah yang lain (Surah al-Baqarah /2: 168) mengenai perihal yang sama, tetapi dalam surah ini Allah SWT memulakan

firmanNya dengan seruan iaitu, "Wahai sekalian manusia", manakala dalam potongan ayat sebelum ini yang dipetik dari Surah Ma'idah /5:88, Allah SWT menggunakan kata kerja perintah iaitu "dan makanlah" ia membawa maksud perintah atau suruhan agar manusia mesti memakan makanan yang halal dan baik mengikut syarak.

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَبِيبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ وَلَكُمْ عَذْوٌ  
  
مُبِينٌ

"Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal dan baik (thayiban) dari apa-apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kalian ikuti langkah-langkah syaitan. Sungguh, syaitan itu musuh yang nyata bagimu".

Allah SWT mengulangi lagi perihal hal sama, di dalam Surah An-Nahl, ayat 114:

فَكُلُّوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ اللَّهُ حَلَالًا طَبِيبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ

"Maka, makanlah dari rezeki yang diberikan Allah kepadamu yang halal lagi baik, dan bersyukurlah atas nikmat Allah jika benar ibadah (pengabdian) mu hanya kepadanya semata".

Istilah '*halalan thoyyiban*' (halal lagi baik) dalam ayat diatas bermaksud, apa-apa yang diperbolehkan (tanpa ada ikatan ataupun larangan). "Thoyyib" bererti, lebih dari sekadar diperbolehkan, kitapun menyukainya ataupun berselera untuk memakannya. Selain ayat-ayat Allah yang menceritakan tentang halal, terdapat beberapa hadith yang membincangkan perkara yang sama, ini bermakna Islam itu sangat menekankan perkara halal dalam makanan yang akan dikonsumi oleh kita. Rasulullah SAW sangat menitik berat tentang perkara ini dengan menyatakan bahawa "mencari yang halal itu adalah wajib bagi setiap Muslim" sebagaimana sabdanya:

طَلَبُ الْحَلَالِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

"Menuntut (mencari) yang HALAL adalah wajib ke atas setiap orang Islam".  
(Riwayat Imam ad-Dailami)

Dengan demikian dapatlah disimpulkan bahawa kebaikan tidak hadir kecuali jika kita menggunakan produk yang baik-baik. Baginda SAW menerangkan hadith ini dengan menekankan bahawa perintah ini tidak hanya untuk para nabi, tetapi juga untuk para pengikutnya. Rasulullah SAW

bersabda bahwasanya “tidaklah diterima ibadahnya seseorang yang memakan barang yang haram”. Beliaupun menambahkan:

“Banyak orang berusaha sepenuh tenaga untuk beribadah kepada Allah lalu mengangkat kedua tangannya sambil memohon, “Ya Allah! Ya Allah! Ku mohon kepadamu, terimalah ibadahku.” Tetapi jika makanannya haram, minumannya juga haram, pakaianya pun haram, bagaimana doa mereka itu akan dimakbulkan?” (Muslim dan Tirmidzi)

*Rasulullah SAW* telah menjelaskan lagi perihal halal dan haram kepada kita umatnya yang beliau kasihi dalam sabdanya:

“Barang siapa makan dari yang halal karana mengikuti sunnahku dan tidak berbuat aniaya kepada orang lain, maka ia akan memperoleh syurga.” Para sahabat mencelah, “Ya Rasulullah, bukankah hal demikian lumrah dilakukan pengikutmu sekarang ini?” Rasulullah menjawab, “Dan nanti di suatu masa yang akan datang pun banyak orang yang mengikut perilaku ini.” (Tirmidzi).

Abdullah bin Umar RA meriwayatkan bahawa *Rasulullah SAW* bersabda, “Jika kamu mempunyai empat perilaku berikut ini, maka itu cukup bagimu, meskipun kamu tidak mendapatkan keuntungan selain itu di dunia ini:

- (a) Memelihara amanah
- (b) Berbicara jujur
- (c) Memperlakukan orang lain dengan baik
- (d) Makan dari yang halal saja.

Pada satu ketika, apabila Sa'ad bin Abi Waqqas RA meminta kepada *Rasulullah SAW* untuk mendoakannya supaya doa yang dimohon dikabulkan Allah SWT. Maka *Rasulullah* bersabda kepadanya:

“Wahai Sa'ad, jika kamu makan dari yang halal dan thoyyib, Allah akan menjawab semua permohonanmu.” Rasulullah kemudian menambahkan, “Aku bersumpah demi Allah, bahawa nyawaku dalam genggamannya, jika seseorang makan sedikit saja dari yang haram, tak sedikitpun ibadahnya diterima Allah SWT selama empat puluh hari. Bila mana daging yang membentuk tubuh seseorang terhasil dari unsur yang haram maka hanya api neraka sajalah yang patut bagi tubuhnya.”

(Riwayat Muslim)

Islam agama yang mementingkan kebersihan dan kesucian serta halal, Islam melarang penggunaan produk yang tidak halal dan syubhah iaitu meragui status kehalalannya. Penggunaan produk yang tidak halal boleh memberi

implikasi buruk kepada pembentukkan syaksiah seorang Muslim. Begitu juga ia akan memberi implikasi yang besar terhadap tingkah laku dan tindakan individu. Jelaslah juga dari sabda baginda bahawa Allah akan memakbulkan segala doa dari hambanya yang hanya mengkonsumi produk halal.

Islam amat menekankan perihal halal dalam produk pengguna, ini kerana dari produk yang digunakan akan membentuk sel-sel dan darah dalam tubuh badan manusia dan ia menjadi suci dan bersih sekiranya sumbernya halal. Dengan demikian, berusaha untuk memperolehi yang halal dan memastikan keabsahan sesuatu produk itu halal perlu dititik beratkan dan ianya juga merupakan tanggungjawab bagi setiap pengguna Muslim.

### **Halal dan kategorinya**

Terdapat beberapa kriteria halal yang boleh diringkaskan kepada 3 bentuk, iaitu;

Pertama: Halal zat sesuatu produk

Makanan yang halal menurut zat adalah makanan yang dari dasarnya halal untuk digunakan. Ianya telah ditetapkan kehalalannya dalam al-Quran dan hadis.

Kedua: Halal cara memperolehinya; iaitu, makanan yang diperoleh dengan cara yang baik dan sah. Makanan akan menjadi haram apabila cara memperolehinya tidak halal iaitu dengan cara yang batil kerana ia akan merugikan orang lain dan dilarang oleh syariat.

Ketiga: Halal cara proses pengolahannya atau pembuatannya, Iaitu, makanan yang sifatnya halal akan bertukar menjadi haram apabila cara pengolahannya atau pembuatannya tidak sesuai dengan syariat agama. Banyak sekali makanan yang asalnya halal, tetapi karena pengolahannya yang tidak *makruf* menyebabkan makanan tersebut menjadi haram.

### **Cara Mengenal Pasti Produk Halal**

Terdapat beberapa cara dan kaedah yang boleh digunakan untuk memastikan sesuatu produk itu halal atau sebaliknya. Walaubagaimanapun kesedaran masyarakat untuk memperolehi produk halal perlu dititikberatkan terlebih dahulu, di samping memperkenalkan kaedah dan tatacara bagi mengenal pasti kehalalan sesuatu produk sebelum dikonsumi.

Melalui *survey* yang dijalankan di Fakulti al Quran dan As-Sunnah, terdapat beberapa *standard* amalan yang dipraktikkan oleh responden melalui teknik temu duga klinikal yang dijalankan, antara amalan praktikaliti responden yang dapat dirumuskan adalah seperti berikut:

## 1-Simbol asas Produk Halal

Logo halal bermaksud logo yang dikeluarkan oleh 3 jabatan atau badan yang bertanggungjawab untuk mengawal selia urusan yang berkaitan dengan syariat dan hukum Islam, iaitu (rujuk: [www.JAKIM.gov.my](http://www.JAKIM.gov.my)):

- **JAKIM** (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)
- **JAIN** (Jabatan Agama Islam Negeri)
- **MAIN** (Majlis Agama Islam Negeri)

Berikut adalah Logo Halal JAKIM:

Gambar 1: LOGO HALAL JAKIM ([www.JAKIM.gov.my](http://www.JAKIM.gov.my))




Terdapat beberapa ciri Logo Halal Malaysia yang perlu difahami dan dihayati oleh pengguna, berikut adalah ciri-ciri Logo Halal Malaysia:

1. Bintang berbucu lapan di tengah-tengah bulatan;
2. Perkataan Arab – “**حلال**” di tengah bintang;
3. Diikuti tulisan rumi “**HALAL**”;
4. Bulatan logo tertulis perkataan “**Malaysia**” dalam tulisan Rumi dan **ماليزيا** dalam perkataan Arab;
5. Dua bintang kecil berbucu lima diletakkan bagi memisahkan tulisan rumi dan perkataan Arab tersebut.

Simbol asas produk halal ini masih mengelirukan pengguna; ini kerana terdapat beberapa logo palsu yang digunakan oleh pengusaha yang tidak bertanggungjawab, yang hanya ingin mengaut keuntungan dari pengguna Muslim. Di samping itu, responden juga kurang menghayati dan memahami logo Halal JAKIM yang sebenarnya, sekaligus membawa kepada kekeliruan logo. Hampir seluruh responden (98%) tidak menghayatinya.

Terdapat beberapa logo-logo halal dari badan-badan dan persatuan Islam antarabangsa yang telah mendapat pengiktirafan JAKIM, di antara logo-logo yang boleh digunakan dan dirujuk oleh pengguna seperti dalam rajah di bawah:

Gambar 2: Logo-logo halal antarabangsa ([www.JAKIM.gov.my](http://www.JAKIM.gov.my))



Gambar 3: Logo-logo Halal Antarabangsa ([www.JAKIM.gov.my](http://www.JAKIM.gov.my))

SOUTH AFRICA		AUTHORITIES		Tertanya-tanya, Mana Satu Logo Halal Malaysia Yang Diketahui Oleh JAKIM		LOGO HALAL YANG TIDAK DIKETAHUI	
		FASONORM (National Authority for Standards and Quality Promotion)	BURKINA FASO				
		Lembaga Hukum Islam Pemerintah Negeri Sabah, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah	EGYPT				
		Egyptian Organization for Standardization & Quality ( EOS )	GAMBIA				
		Animal Health and Production Services, Department of Agriculture, Ministry of Agriculture	GUINEA				
		Ministry of Commerce and Industry, Public Authority of Industry, Kuwait	KUWAIT				
		Direction Nationale des Industries (DNI)	MALI				
		Associaçao Comissão Halal de Moçambique	MOZAMBIQUE				
		Quality Control Department, Ministry of Commerce & Industry	OMAN				
		Qatar Supreme Council of Health, Department of Health and Food Control	QATAR				
		Association Senegalaise de Normalisation (ASN) (Senegalese Standardization Agency)	SENEGAL				
		Yemen Standardization Meteorology & Quality Control Organization	YEMEN				
		General Administration of Quarantines, Department of Standardization, Federal Ministry of Animal Resources and Fisheries, Sudan	SUDAN				
		The Ministry of Environment & Water of the United Arab Emirates	UAE				
		Department of Standardization and Quality Promotion	MOROCCO				
		Islamic Chamber Research & Information Center (ICRIC)	IRAN				

## 2-Isi kandungan produk (Ingredients).

Pengguna perlu mengambil tahu dan menitikberatkan mengenai perkara yang berkaitan dengan bahan kandungan bagi sesuatu produk sebelum membelinya, iaitu dengan cara memastikan bahawa ianya tidak dicemari dengan bahan yang jelas tidak halal, contohnya seperti bersumberkan daripada babi.

Pengguna boleh merujuk kepada isi kandungan atau bahan-bahan yang diolah untuk dibentuk menjadi produk. Ianya tertera di bahagian belakang bungkusan setiap produk.

**Gambar 4: Contoh isi kandungan produk**



### 3-Syarikat pengeluar

Dengan melihat kepada syarikat pengeluar juga amat penting untuk mengetahui status sesuatu produk. Pengeluar Muslim biasanya dapat dibezaikan oleh pengguna dari segi nama syarikat yang didaftarkan seperti, Azmi food Sdn. Bhd., Aishah frozen sdn. Bhd, Pertima sdn bhd, Cik Mah Foods LTD dan sebagainya.

**Gambar 5: Contoh Syarikat pengeluar produk**



### 4-Kod produk

Kod produk akan tertera pada kandungan (Ingredients) di bahagian luar pek. Terdapat kod tertentu yang digunakan dalam produk makanan, seperti kod E iaitu kod untuk bahan tambah dalam makanan (aditif). Kod E mengikut jenis bahan aditif telah dikelaskan seperti berikut (Hab Halal JAKIM, September 2014):

E100 - E199 (Warna)

E200 - E299 (Pengawet)

- E300 - E399 (Oksidan, Fosfat, Antioksida, PengawalAsid)
- E400 - E499 (Pemekat, Pelembap, Penstabil, Emulsifier)
- E500 - E599 (Garam, Regulator Asid, Agen Penghalang Kerak)
- E600 - E699 (Penambah Perisa)
- E900 - E999 (Pemanis, Bahan-bahan lain)
- E1000 - E1999 (Bahan Kimia Tambahan)

Dibawah ini terdapat senarai ‘E-Codes’ yang ‘dikatakan’ mempunyai campuran lemak babi.

E100, E110, E120, E140, E141, E153, E160, E161, E210, E213, E214, E216, E234, E252, E270, E280, E300, E301, E325, E326, E327, E334, E335, E336, E337, E422, E430, E431, E432, E433, E434, E435, E436, E440, E441, E470, E471, E472, E473, E474, E475, E476, E477, E478, E481, E482, E483, E491, E492, E493, E494, E495, E542, E570, E572, E631, E635, E904, E920

Kod-kod E seperti yang disenaraikan, merupakan kod-kod yang digunakan di Eropah. Ia terdiri daripada emulsifier, bahan pengawet, pewarna dan lain-lain. Ia boleh dibahagikan kepada dua. Satu kumpulan dikategorikan sebagai tidak kritikal dan satu kumpulan dikategorikan sebagai kritikal. Bahan-bahan yang tidak kritikal merupakan dari sumber *chemical* dan tumbuh-tumbuhan, contohnya adalah seperti berikut:

Bahan pewarna E100: merupakan dari sumber tumbuhan.

- E110: dari sumber chemical
- E120: dari sumber serangga
- E140: dari sumber tumbuhan
- E141: dari sumber tumbuhan Bahan pengawet
- E210: benzoic acid dari sumber tumbuhan dan chemical.
- E213: calcium benzoate; dari sumber tumbuhan dan chemical.
- E214: Ethyl 4-hydroxybenzoate; dari sumber tumbuhan dan chemical.
- E216: Propyl 4- hydroxybenzoate; dari sumber tumbuhan dan chemical.
- E234: Nisin; dari sumber microbe.
- E280: Propionic Acid dari sumber chemical.

Kumpulan yang kedua merupakan bahan-bahan yang kritikal. ia berkemungkinan dari sumber yang tidak halal. ia perlu dikaji sumber asalnya, contohnya adalah seperti berikut:

E153: Carbon black(Bahan pewarna). Ia berkemungkinan dari sumber haiwan

- E422: Lecithin. Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E432: polysorbate 20. Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E433: polysorbate 80. Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E434: polysorbate 40. Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E435: polysorbate 60. Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E436: polysorbate 65. Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E470: Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E471: Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E472: Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E473: Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E474: Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E475: Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.
- E476: Ia berkemungkinan dari sumber haiwan.

#### 5- Nombor Kod Bar Produk

Nombor kod bar produk adalah nombor siri yang terdapat di bawah kod bar sesuatu produk makanan. Semua pembungkus produk mempunyai kod bar yang dikeluarkan, seperti dalam gambar 6 di bawah.

Selain itu, nombor pendaftaran produk juga boleh dirujuk. Ini kerana sesetengah produk seperti ubat-ubatan akan melalui ujian makmal. Pengguna dinasihatkan untuk memastikan nombor pendaftaran produk dan pelekat hologram yang tulen. Nombor pendaftaran lazimnya dimulakan dengan 'MAL', diikuti dengan 8 digit nombor dan diakhiri dengan huruf, seperti: MAL 19912098 X.

Gambar 6: Contoh Kod Bar produk



#### 6-SMS semakan halal


Terdapat alternatif lain yang boleh digunakan oleh pengguna selain 5 item di atas; iaitu dengan menyemak status halal JAKIM melalui semakan halal dengan SMS. Format SMS semakan produk Halal dan syarikat yang memegang sijil halal adalah seperti berikut([www.JAKIM.gov.my](http://www.JAKIM.gov.my)):

1- Semak Status Halal sesuatu produk Melalui SMS:  
HALAL < jarak > NO KOD BAR PRODUK hantar ke 32728  
Contoh: HALAL 001234567899 hantar ke 32728

2-Semak Status Halal sesebuah Syarikat Melalui SMS  
HALAL < SEMAK > No. Pendaftaran Syarikat (ROC)  
Contoh: HALAL SEMAK 12345X hantar ke 15888.

#### 7- Verify Halal Status portal

Pengguna juga boleh menyemak status halal sesuatu produk melalui Verify Halal Status di portal rasmi halal Malaysia (Halal Malaysia Official Portal) di laman sesawang: www.Halal.gov.my seperti dalam gambarah di bawah, iaitu dengan membuat pilihan di *Food Product* yang mempunyai 8 item pilihan dan memasukkan nama produk seterusnya tekan pada *Verify status*.



BIL	Nama & Alamat Syarikat	Syarikat
1.	RASA AYAMAS SDN BHD LEVEL 14, WISMA KFC NO 17 JALAN SULTAN ISMAIL 50250 KUALA LUMPUR	26/02/2011 14/11/2011 31/03/2012 30/04/2012 30/04/2012 30/04/2012 14/11/2012 15/11/2012 31/12/2012
2.	AYAM KENS KINGDOM FOODSTUFF ENTERPRISE (M) SDN BHD 9, JALAN 10/108C, TAMAN SG. BESI, 57100 KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN.	30/10/2011
3.	AYAMPLUS FOOD CORPORATION SDN BHD BERANGKAT RICHES TRADITIONERS SDN BHD	30/11/2011

Maklum balas berkenaan produk halal dari responden ataupun (R) keseluruhannya adalah sangat baik dan ianya tidak bias. Kaedah temu bual yang digunakan adalah utk mendapatkan kaedah dan teknik yang teratur, rapi serta jujur dari amalan praktikal responden.

Hampir seluruh responden memahami konsep halal dalam Islam dengan peratus 97%, sekurang-kurangnya menyatakan "suci dan bersih", "sesuatu yang Allah halalkan" dan "makanan yang dibenarkan syarak". Daripada pengamatan ini, dirumuskan bahawa kesemua responden memahami konsep halal melalui al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana responden meletakkan perkataan Islam, Allah, Syarak sebagai pengukuhan bagi mengaitkan halal dan Islam atau halal dari perspektif Islam secara umum.

Responden meletakkan pemahaman tentang produk halal dengan jawapan variasi yang mewakili 100% nisbah pemahaman tentang apakah "produk halal", di sini dapat dilihat kredibiliti pelajar dari pengkhususan al-Quran dan al-Sunnah memberi jawapannya yang sangat ilmiah bersesuaian dengan pengkhususan. Di antaranya ialah:

R1: "Ia adalah produk yang tidak mengandungi bahan-bahan yang haram dan terlarang"

R4: "Adalah produk yang diluluskan oleh JAKIM, penyediaannya yang bersih dan begitu juga isi kandungannya"

R9: "Jika ada cop halal JAKIM dan ianya diyakini, Bahan ramuan sesuatu produk itu diutamakan"

R10: "Penyediaan dan pembuatan produk yg mematuhi piawaian yg telah ditetapkan oleh JAIN, JAKIM dan ianya produk yg suci dan sesuai digunakan oleh org Islam".

R17 "produk yang memproses mengikut syariat dan tidak memudaratkan"

R22 "Produk yang mengandungi bahan-bahan yang dibenarkan dalam Islam"

R28 “Produk halal adalah merujuk kepada perkara atau benda yang suci dan bersih”

Walaubagaimanapun terdapat beberapa responden yang agak ekstreem ketika memberi respon semasa temu bual, iaitu menyifatkan produk halal dengan:

R5 “produk yang ada cop halal”

R11 “Produk yang tidak syubhah”

R26 “Produk yang tak ada cop halal JAKIM”

Responden sangat mementingkan “HALAL” sebelum membeli sesuatu produk atau menggunakannya; iaitu dengan nisbah 100% responden akan memastikan sesuatu produk itu halal terlebih dahulu.

Mengenai perlaksanaan konsep halal dan amalan praktikal yang diaplifikasi oleh responden sebelum mendapatkan sesuatu produk. Kesemua responden akan memastikan sesuatu produk itu mestilah benar-benar halal yang yakin untuk diperolehi. Ini berkemungkinan disebabkan oleh kesemua responden dipilih adalah dari kalangan yang berlatar belakangkan pengajian al-Quran dan al-Sunnah, dan ia merupakan satu kelebihan di mana responden lebih memahami tuntutan-tuntutan di dalam Islam, terutamanya mencari yang halal.

Adapun mengenai garis panduan atau tatacara yang diaplifikasi oleh responden untuk mengenal pasti sesuatu produk itu halal, keseluruhan responden memberi respon yang agak semilar dari segi inputnya iaitu:

Logo Halal – bahan-bahan (ingredients)- kod bahan – pengusaha/ pengeluar – bar kod

Ini dapat dilihat jelas dalam beberapa sampel seperti di bawah:

R2 “Logo halal JAKIM, ingredients, kod bahan dalam makanan dan syarikat”

R8 “melihat kandungan dan pembuatan produk, semestinya mempunyai logo logo yang betul2 disahkan halal oleh JAKIM kerana produk yg diiktiraf JAKIM ini telah dianalisa oleh JA yg mana ianya suci dan selamat digunakan oleh orang Islam”.

R9 “tengok bahan-bahan, tengok pada laman web JAKIM tentang produk-produk halal, tengok syarikat yang mengeluarkan produk.”

R12 “cari logo, tengok tarikh luput, tengok ingredient”

R22 “melihat kepada jenis-jenis bahan dan label halal pada produk”

R23 “dengan memastikan kandungan bahan tersebut dan pastikan terdapat logo halal”

R27 “melihat kepada logo halal pada sesuatu produk, melihat kepada cara atau proses pembuatan produk tersebut.”

Daripada pengamatan tentang amalan dan perlaksanaan respondon bagi mendapatkan atau memastikan sesuatu produk itu agar ianya benar-benar halal dan diyakini, maka dapat disimpulkan bahawa keseluruhan responden yang dipilih secara rawak dari pelajar tahun 3 dan tahun 4 yang mewakili keseluruhan pelajar-pelajar alQuran dan As Sunnah amat teliti dan mengambil berat tentang "halal", dan ini menunjukkan bahawa responden telah mempunyai kesedaran tentang halal. Sebaliknya ia bertentangan dengan komuniti di luar atau masyarakat awam yang mana mereka tidak memahami konsep halal dalam Islam serta tiada kesedaran mengenainya, seperti mana dinyatakan dalam kajian-kajian sebelum ini. Amalan dan praktikaliti yang diaplikasi oleh responden jelasnya memberi input yang baik dan diperlukan bagi menghasilkan satu model yang boleh dirujuk oleh umum.

## MODEL APLIKASI PRODUK HALAL

Model ini dibina berdasarkan amalan praktikaliti satu kumpulan masyarakat yang memahami al-Quran dan as Sunnah. Tatacara perlaksanaan dan amalan yang praktikal oleh responden seperti mana yang dinyatakan dalam perbahasan metodologi. Data yang dikumpul dengan menggunakan teknik kajian klinikal ( Nik Azis, 1989 ) telah dianalisis dan bincang-bincangkan. Hasil perbincangan dari data responden yang dikumpul mengenai Produk Halal secara inklusif, maka rumusannya dapat membentuk satu model yang praktikal, yang boleh digunakan oleh seluruh masyarakat Muslim bagi mengabsahkan kehalalan sesuatu produk sebelum mengkonsuminya. Rajah di bawah adalah satu bentuk model yang dirumuskan dari pengalaman dan amalan praktikaliti responden yang merupakan *output* kajian ini.

Rajah 1: Model Aplikasi produk halal



Model ini adalah prosedur asas yang boleh digunakan bagi mengenal pasti sesuatu produk halal. Dengan merujuk kepada logo dan kesohihan logo tersebut dapat membantu pengguna untuk mengenal pasti kehalalan sesuatu produk, begitu juga bahan-bahan yang terkandung dalam sesuatu produk, ianya amatlah penting mengetahui secara ditil isi kandungan produk melalui kod bahan yang digunakan seperti E-emulfier: 471,472 dan sebagainya.

Pengguna juga boleh merujuk kepada pengeluar produk tersebut. Dengan demikian, pengguna dapat mengelak dari keraguan apabila mendapati pengeluar produk tersebut adalah dari kalangan orang Islam atau produk Muslim. Begitu juga dengan melihat kepada kod bar produk yang terdapat pada setiap produk atau barang pengguna. Ini kerana nombor yang tertera pada kod tersebut boleh digunakan untuk pengesahan status halal di portal atau dengan SMS ke JAKIM secara lansung dengan memasukkan nombor kod bar tersebut.

Model ini disusun mengikut keutamaan responden ketika membuat pengesahan produk halal, ianya merangkumi 7 cara bagaimana untuk mengetahui status halal atau produk halal di pasaran. Melalui model yang dibina ini, pengguna boleh menggunakan mana-mana cara yang praktikal mengikut keutamaan pengguna, pengguna mempunyai kebebasan untuk memilih cara yang sesuai dengan pengguna. Ianya juga bukanlah satu urutan atau proses perlaksanaan yang perlu diaplikasi oleh pengguna. Ini bermakna, sekiranya pengguna merasa yakin halal sesuatu produk itu dengan hanya melihat kepada logo, maka ianya sudah mengcukupi buat pengguna, dan jika sekiranya kurang yakin terhadap logo JAKIM, maka pengguna boleh memilih alternatif lain yang dicadangkan dalam *item* model tersebut. Model ini adalah satu panduan yang boleh dirujuk oleh pengguna.

Manakala pihak berwajib seperti Majlis Agama atau badan-badan Kesatuan Islam Malaysia pula perlu memainkan peranan yang sewajarnya dan serius dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran produk halal di pasaran. Begitu juga mengedarkan risalah-risalah berkaitan produk halal secara inklusif. Selain itu pihak berwajib perlu memberi penerangan dan pemahaman tentang halal dan haram, terutamanya produk halal. Selain itu, Media Massa juga boleh dijadikan medium penyampaian maklumat berkaitan Halal dan kempen kesedaran produk halal secara serentak dan berterusan sehingga masyarakat Islam di Malaysia benar-benar memahami konsep halal dalam Islam.

## PENUTUP

Kesedaran mengenai produk halal dalam kalangan masyarakat sangatlah rendah, ini kerana lemahnya pengetahuan agama dan syariat Islam dalam muamalah perolehan produk pengguna di pasaran. Al-Quran dan al-Sunnah telah membicarakan perihal halal dengan begitu jelas serta membezakan yang

halal daripada yang haram. Halal dalam produk makanan amatlah dituntut supaya dititikberatkan oleh segenap masyarakat. Ini adalah kerana melalui pemakanan yang halal, ianya dapat meningkatkan sel-sel yang positif serta pertambahan darah yang berkualiti, seterusnya ianya dapat membentuk keperibadian seorang Muslim sebenar yang baik sikapnya dan akhlaknya.

Rumusan dari dapatan temuduga yang dijalankan, didapati bahawa kefahaman istilah Produk Halal yang ditonjolkan oleh responden adalah sangat rendah berbanding amalan praktikalnya seperti "hukum yang dilarang Allah", "produk yang diyakini", "logo Halal" hampir kesemua responden hanya memahami konsep halal secara *surface* sahaja. Adapun amalan praktikal responden iaitu dengan nisbah 100% menunjukkan responden telah memahami halal dari cara perlaksanaan dan amalan praktikal, ini jelas didapati dalam temu bual yang dijalankan.

Merujuk kepada LOGO – Bahan-bahan (Ingredients) – Kod Bahan – Pengusaha – Kod Bar produk – SMS - portal pengesahan produk adalah amalan yang dipraktikkan oleh responden bagi mengesahkan kehalalan sesuatu produk sebelum menggunakan.

Melalui amalan praktikal responden tersebut, maka dapatlah kertas kerja ini menghasilkan satu model asas produk halal bagi mengetahui status sesuatu produk itu sama ada halal atau sebaliknya. Model ini boleh digunakan oleh masyarakat Islam di Malaysia seluruhnya. Ia adalah panduan yang mudah untuk pengguna mengetahui status sesuatu produk sebelum dibeli atau digunakan.

Sebagai cadangan yang boleh disarankan didalam kertas kerja ini, penyelidik melihat kepada kemajuan teknologi pada hari ini yang mana model ini boleh diteknologikan dengan menjadikannya aplikasi yang boleh dimuat turun oleh pengguna dalam peralatan elektronik seperti telefon bimbit dan sebagainya. Ini bertujuan memberi kemudahan kepada pengguna Islam di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abu al-Husain Muslim al-Hajjaj al-Naisaburi, (2000), *Sahih Muslim*, c.2. Riyadh: Dar al-Salam.
- Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa al-Tirmidhi, (1999), *al-Jami' al-Tirmidhi*, c.1. Riyadh: Dar al-Salam.
- Achmad Mursyidi, (2013). *The Role of Chemical Analysis in The Halal Authentication of Food and Pharmaceutical Products*. Journal of Food and Pharmaceutical Sciences 1 (2013), h. 1-4.
- Al-Qaradawi, (1980), *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, Beirut: al-Maktab al-Islami
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. (2006). *Al-Jami'' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muasasah al-Risalah.

- As-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman. (1997). *Al-Asybah wa al-Nazair*. Makkah : Maktabah nizar Mustafa al-baz. Al-Syaukani, Muhammad bin Ali (2005). *Nail al-Autar*. Kaherah : Dar al-Hadis. Ibn Manzur (t.t.). Lisan al-Arab. Kaherah : Dar al-Maarif.
- Al-Zarkasyi, Muhammad. (1992). *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. al-Ghardaqah : Dar al-Safwah.
- Muhammad bin 'Ismail al-Bukhari. (1999), *Sahih al-Bukhari*, c.2. Riyadh: Dar al-Salam, 133,438,494,901.
- Mohd Aliff Abdul Majid et.al. (2015). Issues of Halal Food Implementation in Malaysia. *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*. 5 (6S), h.50-56.
- Nik Azis Nik Pa. (1989). Satu Persepsi Tentang Diagnosis Dan Pemulihan Dalam Pendidikan Matematik Dan Sains. *Masalah Pendidikan* 13: 91-105. Putnam, R. T.
- Yuslina Mohamed. (2011), *At Tarakib Al Ismiyyah Al Arabiyyah Allazimah Li Aghrad Sohafah Linnatiqin Bighairiha*, Jordan, University of Jordan, Amman.
- Zalina Zakaria. 2004. Keberkasanan Undang-Undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia. *Jurnal Syariah* 2004: 12(2), h. 95-106.

### Websites:

Buletin UPKN KOTA BHARU, Kesedaran Penggunaan Produk Halal Masih Rendah, 24 Jamadil Akhir 1431  
<https://produkhalal.wordpress.com/2007/06/08/what-is-halal/>  
<http://truthhalal.my/kriteria-logo-halal-malaysia-yang-diiktiraf-dan-sah/>  
http://utusan.com.my, Kempen perkukuh kesedaran kepentingan status halal, ARKIB: 09/08/2010  
http://www.halal.gov.my/ehalal/index.php?ty=directory&type  
[www.mstar.com.my](http://www.mstar.com.my), Kod E Pada Label Produk Makanan, 16 October 2014 at 15:39

### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.